

Tingkat piawaian bedah

KETIKA ini terdapat sekurang-kurangnya 1.2 juta orang yang mengalami masalah urologi, manakala Kementerian Kesihatan melaporkan kelaziman faktor risiko kardiovaskular yang lebih tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia.

Dalam masa yang sama, Malaysia hanya mempunyai kurang daripada 9,000 doktor pakar untuk berkhidmat kepada penduduk seramai lebih 30 juta orang, dan terdapat keperluan mendesak bagi industri penjagaan kesihatan untuk terus menaik taraf dan meningkatkan kemahiran profesional penjagaan kesihatan tempatan untuk merapatkan jurang ini dengan sewajarnya.

Presiden Akademi Perubatan Malaysia CSAMM, **Profesor Madya Datuk Dr. Hanafiah Harunarashid** berkata, pihaknya sentiasa menyokong perkembangan pendidikan dan latihan pembedahan berkualiti.

Ini katanya, akan dapat mewujudkan bekalan pakar bedah mampan yang dilatih mengikut piawaian antarabangsa. Langkah tersebut juga dapat memartabatkan Malaysia sebagai pusat pembedahan

“Ini meyakinkan bahawa perkongsian pintar ini akan membolehkan kami merapatkan jurang tersebut.

“Kami gembira untuk bekerjasama dengan Johnson & Johnson untuk membangunkan dan menyokong bengkel Pengurusan Tisu Sains 2.0. (SoTM 2.0) kerana usaha ini



DR. HANAFIAH HARUNARASHID (dua dari kiri) dan **Chin Keat Chyuan** bertukar dokumen selepas majlis MoU di ibu negara baru-baru ini. Turut hadir **Dr. April Camilla** (kiri) dan **Dr. Yeoh Boon Hock**.

membolehkan kami menangani jurang ilmu.

“Ia juga memastikan bahawa pakar bedah graduan dan lepasan ijazah kita mengikuti perkembangan teknologi terkini dan mendapatkan pengalaman secara langsung menggunakan peralatan tersebut,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Johnson & Johnson (J&J) Malaysia dan Kolej Pakar Bedah, Akademi Perubatan Malaysia (CSAMM) baru-baru ini.

Menerusi MoU tersebut kedua itu, ia membolehkan kerjasama bengkel Sains Pengurusan Tisu (SoTM) untuk dua tahun lagi bagi tujuan meningkatkan kemahiran pakar bedah di negara ini dengan teknologi dan kemahiran pembedahan terkini.

Pada majlis itu, Dr. Hanafiah Harunarashid mewakili CSAMM, manakala Johnson & Johnson Malaysia diwakili oleh Pengarah Urusannya, **Chin Keat Chyuan**.

Majlis disaksikan oleh Naib Presiden CSAMM dan Profesor di Jabatan Pembedahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM) dan Profesor **Dr. April Camilla** serta Pengarah Hal Ehwal Perubatan J&J, Dr. Yeoh Boon Hock.

Setakat ini, CSAMM telah berjaya melengkapkan tiga bengkel SoTM bersama J&J, yang dimanfaatkan oleh lebih 180 peserta termasuk residen, pegawai perubatan dan felo di seluruh negara

Sebelum ini MoU pertama yang ditandatangani pada Oktober 2016. Bengkel tersebut mendedahkan pakar bedah kepada teknologi pembedahan terkini, memberi mereka pengalaman langsung menggunakan peralatan yang direka dengan lebih baik.

Dr. April Camilla berkata, dengan mengaplikasikan sains pengurusan tisu, pakar bedah dapat memanfaatkan peralatan pembedahan lebih canggih yang mengurangkan halangan masa dan meningkatkan kecekapan.

Bagi Keat Chyuan pula, bengkel seperti itu selaras dengan prinsip untuk memberikan komitmen penuh dan membina dunia yang lebih sihat.

“Justeru, kami memastikan semua produk dan perkhidmatan kami mempunyai tahap kualiti tertinggi untuk semua anggota masyarakat, sama ada pakar bedah atau pesakit,” ujarnya.



MALAYSIA memerlukan lebih ramai pakar bedah.
- GAMBAR HIASAN